


Sekolah banjir kali ketiga



Bangunan Pra Sekolah Lembah Keramat yang ditenggelami air.

LEMBAH KERAMAT - Kira-kira 50 murid Pra Sekolah Lembah Keramat terpaksa membatalkan sesi persekolahan mereka setelah peralatan pembelajaran musnah akibat banjir, Rabu lalu.

Tinjauan *Sinar Harian* semalam mendapati, bangunan pra sekolah terbabit tidak sesuai didirikan di kawasan tersebut yang hanya terletak di belakang Sungai Hulu Kelang dan jauh daripada pentadbiran sekolah.

Pembantu pra sekolah, Erma Niza Mohd Isa berkata, banjir kilat ini adalah kali ketiga yang paling teruk berlaku sejak berpindah pada 2008.

"Hampir setiap tahun sekolah akan mengalami keadaan sama dan setiap tahun juga peralatan dan pembelajaran sekolah musnah.

"Mujurlah kejadian banjir Rabu lalu berlaku pada waktu petang ketika murid-murid sudah

pulang ke sekolah," katanya.

Menurutnya, pelbagai peralatan musnah antaranya peti sejuk, set komputer, buku dan peralatan pembelajaran pendidikan pra sekolah.

Erma berkata, punca banjir berlaku apabila air sungai naik mendadak bertembung dengan air longkang di tepi sekolah dan melimpah memasuki bangunan sekolah.

Katanya, difahamkan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menaik taraf sungai di belakang sekolah dan kontraktor memberi jaminan tidak akan berlaku banjir.

"Bagaimanapun, keadaan masih tidak berubah apabila setiap tahun peralatan sekolah musnah dan berharap pihak bertanggungjawab dapat memikirkan sesuatu serta menyelesaikan masalah dengan segera," katanya.